

11/12/2003

Sistem pengangkutan rel perlukan khidmat sokongan

Mohd Zamri Muda

PEMIMPIN kita mempunyai wawasan jauh dalam menyediakan kemudahan pengangkutan awam untuk rakyat Malaysia, khususnya di Lembah Klang.

Oleh itu, kerajaan memperkenalkan sistem pengangkutan rel yang bukan saja melambangkan pembangunan negara, lebih penting bagi kesejahteraan rakyat untuk bergerak.

Sistem transit aliran ringan (LRT) Putra dan Star serta Komuter dan terbaru, monorel juga dirancang untuk mengurangkan kesesakan lalu lintas di ibu kota. Dengan adanya sistem itu, orang ramai akan menggunakan pengangkutan rel dan jalan raya tidak disesakkan dengan kenderaan.

Malangnya, usaha itu tidak tercapai dengan berkesan kerana masih tidak ramai yang mahu menggunakan pengangkutan rel atas banyak alasan.

Dalam hal ini, kita perlu menghayati kata-kata Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi tidak lama dulu bahawa Malaysia mempunyai infrastruktur kelas pertama dan bertaraf dunia, tetapi mentaliti penduduknya masih bertaraf dunia ketiga.

Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad bekerja keras untuk menyediakan asas kukuh bagi membina dan membangunkan Malaysia menjadi negara maju menjelang 2020.

Pelbagai kemudahan disediakan, namun tidak dimanfaatkan sepenuhnya oleh rakyat untuk kebaikan dan kesejahteraan mereka.

Tetapi tidakkah kita terfikir bahawa adakah penduduk negara ini berpendapatan setaraf dengan mereka di negara maju.

Untuk siapakah pengangkutan rel disediakan? Adakah untuk pekerja bawahan, suri rumah dan pelajar sekolah dari keluarga berpendapatan rendah? Hakikatnya golongan inilah yang menjadi pelanggan utama pengangkutan rel.

Adakah orang kaya, berpangkat dan berstatus sanggup menggunakan pengangkutan rel ini? Di Malaysia, memang tidak berlaku. Mereka lebih suka memandu kereta sendiri walaupun terpaksa menghabiskan banyak masa dalam kesesakan lalu lintas.

Ini berbeza di negara maju, eksekutif, malah ketua sesebuah syarikat menggunakan pengangkutan awam untuk ke tempat kerja.

Bagi menangani mentaliti itu, sesuatu harus dilakukan untuk menggalakkan orang ramai menggunakan pengangkutan awam.

Kajian perlu dijalankan untuk menentukan harga tiket pengangkutan rel yang amat berpatutan kepada orang kebanyakan. Saya percaya harga tiket yang rendah akan menarik orang ramai menggunakan pengangkutan awam di Lembah Klang.

Selain itu, lebih banyak tempat letak kenderaan dengan bayaran berpatutan disediakan di stesen pengangkutan rel. Ini kerana orang ramai tidak mahu menggunakan sistem rel kerana kesukaran meletakkan kenderaan di stesen.

Sistem rangkaian bas ke stesen juga perlu dibaiki dengan memastikan bas mencukupi dan menjalankan perkhidmatan mengikut jadual. Perkara ini penting kerana kesukaran mendapatkan bas ke stesen dikenal pasti antara sebab orang ramai enggan menggunakan sistem rel.

Di samping itu, sistem pengangkutan bas mini yang berimej baru harus diperkenalkan semula. Sememangnya bas mini amat diperlukan sebagai pelengkap kepada pengangkutan rel. Idea pengenalan bas mini amat baik, tetapi pada akhir operasi, imejnya tercemar teruk dengan disiplin pekerja.

Bas mini masih lagi relevan dengan masa kini jika pemandu dan

konduktornya berdisiplin.

Pengenalan sistem pengangkutan yang lebih teratur dan bersepadu perlu diperkenalkan di Lembah Klang dalam usaha menggalakkan orang ramai menggunakan pengangkutan awam.

Kejayaan sistem pengangkutan rel perlu disokong dengan kemudahan lain supaya orang ramai lebih mudah untuk menggunakannya.

Jika kita dapat mewujudkan sistem pengangkutan awam bersepadu, tidak mustahil orang ramai akan menggunakannya. Dengan itu, jalan raya kita tidak lagi disesakkan dengan kenderaan yang turut menyumbang kepada pencemaran asap dan bunyi.

MOHD ZAMRI MUDA,  
Marang, Terengganu.